

REMAJA boleh dikategorikan sebagai orang muda yang mula dewasa, sudah akil baligh dan cukup umur jika berhasrat berumah tangga.

Peralihan fasa juga mengubah cara mereka berfikir untuk meneroka pelbagai pengalaman baharu selari dengan usia. Justeru, golongan itu sering kali dibelenggu dengan perasaan ingin mencuba.

Mula suka bergaul dengan rakan sebaya berbanding ibu bapa, remaja juga gemar berangan-angan dan sentiasa memikirkan apa yang akan dilakukan pada masa hadapan. Mudah sekali mereka terpengaruh dengan emosi dan keadaan sekeliling.

Sifat ingin tahu itu kadangkala mendorong mereka melakukan sesuatu di luar jangkaan. Disebabkan itulah, remaja masih memerlukan bimbingan.

Dunia menuju ke arah Revolusi Industri Keempat. Kemunculan superkomputer, robot pintar, kenderaan tanpa pengemudi, suntungan genetik dan perkembangan neuroteknologi memungkinkan manusia untuk lebih mengoptimalkan fungsi otak.

Ia sepetimana gambaran diberikan oleh pengasas Forum Ekonomi Dunia, Klaus Schwab dalam bukunya *The Fourth Industrial Revolution*.

Dalam erti kata lain, hidup manusia akan diper mudahkan dengan bantuan robot untuk menguruskan tugas sehari-hari. Sebagai contoh, pesanan yang kita lakukan melalui telefon akan dihantar ke pintu rumah hanya menggunakan perkhidmatan dron.

Ya, kemudahan itulah yang bakal dinikmati oleh anak-anak kita satu hari nanti. Betapa mudahnya untuk mendapatkan sesuatu tanpa perlu keluar dari rumah.

Bukan itu sahaja, kata Ketua Pakar Pendidikan Tinggi Bank Dunia, Francisco Marmolejo dalam Seminar Revolusi Industri 4.0, sistem pendidikan tinggi di seluruh negara juga akan mengalami perubahan hasil revolusi berkenaan.

Fenomena itu bukan hal yang pelik, malah akan menjadi budaya apabila mereka dewasa kelak.

Bimbingan

Bagi seorang pendidik, kerisauan timbul jika tiada bimbingan dan garis panduan berstruktur. Siapa yang akan membentuk cara berfikir dan membuat keputusan terhadap kemudahan yang dinikmati oleh remaja?

Dalam hal itu, peranan ibu bapa sangat penting. Masakan tidak, kita menikmati kemudahan internet di Malaysia bermula pada tahun 1983 dan dibangunkan setahun kemudian.

Itu bermakna sudah 36 tahun rakyat Malaysia menggunakan internet dalam kehidupan sehari-hari! Kini, kehidupan kita semakin mudah dengan adanya alat peranti telefon pintar.

Malaysia sendiri menduduki kelompok kelima tertinggi di dunia dan tempat teratas di Asia Tenggara dalam penembusan media sosial mudah alih. Itu menurut *Hootsuite and We Are Social* dalam laporan terkini Digital 2019.

Benar, segala kemudahan tersebut untuk manfaat kita bersama. Akan tetapi, penggunaannya tetap perlu dipantau terutama jika anak remaja yang menggunakanannya.

Ketahuilah bahawa dalam dunia internet, terkandung sesawang gelap (*Dark-Web*) yang mana antara lain ia merupakan lokasi dan identiti pengguna jaringan tidak dapat dikesan.

Kelebihan itu membolehkan para pengguna berkomunikasi, berkongsi dan menyebarkan maklumat secara sulit.



KEMUDAHAN internet dan teknologi boleh 'merosakkan' remaja sekiranya tidak dipantau oleh ibu bapa atau pendidik.
-Gambar hiasan



Teknologi mampu 'bunuh' remaja

Ibu bapa, pendidik, semua pihak harus pantau dan selamatkan akidah mereka

TABUNG PRIHATIN COVID-19 MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Marilah bersama BERSEDEKAH, membantu mereka yang memerlukan.

Anda boleh menyumbang melalui: <http://fpv.mais.gov.my/epay/sedekah.php>

Atau secara pindahan wang ke no. akaun

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
12038010134961

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
(Nyatakan: Tabung Sumbangan Covid-19)

*Sedekah anda boleh mendapat Pelepasan Cukai Pendapatan.

Apabila berkomunikasi dalam persekitaran yang biasa, ia boleh mengugat keselamatan pengguna misalnya untuk tujuan perisikan, kewartawan dan sebagainya.

Ada juga golongan tertentu mempergunakan jaringan berkenaan untuk perkongsian maklumat dan pergerakan yang melibatkan kegiatan haram. Hal itu termasuklah pembelian organ dalam manusia dan senjata api!

Itu belum lagi bercerita bab *Surface-Web* yang boleh didapati menerusi Google Chrome dan carian laman untuk tujuan tertentu seperti Facebook dan pembelian barang seperti eBay, Lazada dan Shopee.

Pembelian yang dulu hanya boleh didapati dalam *Dark-Web* kini mudah dicari di *Surface-Web*, malah ia boleh dibeli melalui telefon pintar dan selamat sampai di pintu rumah.

Maka di sutilah peranan ibu bapa amat penting. Ambil tahu aktiviti anak-anak remaja berkaitan urusan pembelian atas talian, selain kenali rakan-rakan mereka.

Sifat ingin tahu golongan remaja ini boleh mendorong mereka untuk mendapatkan sesuatu dalam sesawang gelap tanpa diketahui oleh ibu bapa.

Sikap itu didorong oleh budaya sukakan komen dan tanda suka (*like*). Ia membuatkan mereka tidak memberi pertimbangan akal dalam aspek agama

dan sensitiviti budaya timur ketika berkongsi di media sosial.

Banyak aplikasi yang diwujudkan pada dasarnya sebagai tempat menjual keperluan dan kemudahan, tetapi 'dicemari' dengan jualan barang yang tidak sepatutnya. Antaranya, minyak dagu, patung pengikat kasih, kotak jin dan banyak lagi.

Natijahnya, semua orang mampu mengaksesnya termasuklah anak remaja kita. Bagaimana jika remaja Islam yang membeli atau terlibat dalam jual beli 'jin', minyak dagu dan sebagainya menerusi aplikasi atas talian? Ia bukan perkara yang boleh dibuat main kerana berkait rapat dengan akidah.

Lebih menggerunkan, remaja itu berkongsi barang pembelian mereka di laman YouTube untuk mendapatkan tanda suka. Hal itu akan lebih serius kerana melibatkan lebih ramai lagi yang akan mencuba. Mahukah melihat anak-anak kita terpesong akidah mereka?

Justeru, sebagai pendidik dan ibu bapa, ambil peranan untuk memberikan kesedaran tentang bahayanya hal itu. Pihak berkuasa juga perlu membantu menyekat dan melihat pendekatan dari segi penguatkuasaan peraturan atau undang-undang bagi membendung perkara berkenaan.

Sumber: Majlis Agama Islam Selangor



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



MAISgovmy